

# **PROGRAM KTP & CSR**

## **FAKULTI KEJURUTERAAN AWAM DAN ALAM BINA**

### **2022**



# PROGRAM KTP & CSR **2022**

BIL	SENARAI PROGRAM	PENGARAH PROGRAM	TARIKH
1	PROGRAM PENGGUNAAN MAKROINVERTEBRATA UNTUK PENGANGGARAN KUALITI AIR SUNGAI DI SG KIM KIM (KTP)	Dr. NOR AMANI FILZAH BINTI MOHD KAMIL	26 MAC 2022
2	PROGRAM LAWATAN KE TAPAK PROJEK PENGHASILAN BAJA ORGANIK DI KAMPUS UTHM PARIT RAJA BERSAMA KETUA KAMPUNG DAN WAKIL DI SEKITAR MUKIM BAGAN (KTP)	PM TS DR AZEANITA SURATKON	20 APRIL 2022
3	PROGRAM FORENSIK JALAN RAYA DAN PENYELENGGARAAN UNTUK KESELAMATAN DAN KESELESAAN PENGGUNA (KTP)	PM TS DR MOHD EZREE BIN ABDULLAH	26 MEI 2022
4	PROGRAM INOVASI DAN UJIKAJI BAHAN TAMBAH UNTUK APLIKASI DALAM PEMBINAN JALAN RAYA (KTP)	PM TS DR MOHD EZREE BIN ABDULLAH	31 MEI 2022
5	PROGRAM IKHLAS RAMADHAN 2022 (CSR)	DR NOR HAYATI BINTI ABD GHAFAR	27 APRIL 2022
6	PROGRAM "LET'S PLOGGING" (CSR)	TS DR NOR HASLINDA BINTI ABAS	27 MEI 2022
7	PROGRAM GEAR UP ! ( <i>Get Ready for University Programme</i> ) MARA - UTHM 2022 (KTP)  (PENGHASILAN PENAPIS AIR)	DR MUHAMMAD SALLEH HJ ABUSTAN	21 JUN 2022
8	PROGRAM GEAR UP ! ( <i>Get Ready for University Programme</i> ) MARA - UTHM 2022 (KTP)  (SOIL MAGIC)	Ts MOHD FAIRUS YUSOF	21 JUN 2022

# PROGRAM KTP & CSR (Samb..) **2022**

BIL	SENARAI PROGRAM	PENGARAH PROGRAM	TARIKH
9	PROGRAM SHARING KNOWLEDGE BERSAMA PAKAR STRUKTUR IR PM DR NORWATI (KTP)	PM DR MUNZILAH MD ROHANI	22 JUN 2022
10	PROGRAM PENGGUNAAN MAKROINVERTEBRATA UNTUK PENGANGGARAN KUALITI AIR SUNGAI DI LAMAN REKREASI SUNGAI BULUH, PASIR GUDANG (KTP)	Dr. NOR AMANI FILZAH BINTI MOHD KAMIL	25 JUN 2022
11	PROGRAM "PROPOSED NEW PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI (PKU) AT PARIT RAJA, UTHM" (KTP/SULAM)	AR. HAZRI ABDUL AZIZ	27 MAC-6 JULY 2022
12	PROGRAM PENYELIDIKAN BERASASKAN INDUSTRI UNTUK PROGRAM SULAM (UTHM PRIHATIN) (CSR/SULAM)	EN. KHAIRUL ASYRAF BIN MOHD RODZI	17 JAN 2022
13	PROGRAM REKABENTUK DEWAN TERBUKA DI SMK TUN AMINAH, BATU PAHAT (CSR/SULAM)	EN. NASRUL ARIF BIN AHMAD MAHMUD	30 MEI 2022


# 1

## PROGRAM PENGGUNAAN MAKROINVERTEBRATA UNTUK PENGANGGARAN KUALITI AIR SUNGAI (KTP)

- **Tarikh** : 26 Mac 2022
- **Tempat** : Sg Kim Kim
- **Komuniti** : 26 Guru Sekolah di Daerah Pasir Gudang

Program ini adalah lanjutan dari program “Conserve the Nature, Love the River” yang mensasarkan kelestarian Sungai Kim Kim. Program ini akan dijalankan bersama 26 guru sekolah di daerah Pasir Gudang. Lokasi program ini adalah di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, Johor. Guru-guru sekolah didedahkan dengan kaedah Purata Skor Taxon (ASPT) untuk menganggarkan kualiti air sungai. Melalui kaedah ini, peserta yang terlibat iaitu guru sekolah boleh mengetahui sama ada air sungai itu selamat atau tidak melalui makroinvertebrata yang hidup di dalamnya.

### Pengarah Program : Dr. NOR AMANI FILZAH BINTI MOHD KAMIL



The screenshot shows a news article on the UTHM website. The article title is "Sambutan Hari Air Sedunia 2022: UTHM kaji kualiti air dan bersihkan Sungai Kim Kim". The article features a photograph of a group of people, including students and staff, wearing blue and white uniforms, standing in front of a white tent. The article also includes a "Subscribe" section with an email address field and a "Join Us Now!" button. The website header shows the UTHM logo and navigation links like HOME, BERITA, E-WACANA, KERATAN AKHBAR, RENCANA, ARKIB, HUBUNGI, UTHM, and ENGLISH.



\*Aktiviti pengelasan makroinvertebrata dan analisis kualiti air



## 2

### PROGRAM LAWATAN KE TAPAK PROJEK PENGHASILAN BAJA ORGANIK DI KAMPUS UTHM PARIT RAJA BERSAMA KETUA KAMPUNG DAN WAKIL DI SEKITAR MUKIM BAGAN (KTP)

Pengarah Program : PM TS DR AZEANITA SURATKON

- **Tarikh** : 20 April 2022
- **Tempat** : Tapak Projek Penghasilan Baja Organik, Kampus UTHM Parit Raja
- **Komuniti** : 9 orang kampung terdiri daripada Ketua Kampung dan Wakil di sekitar Mukim Bagan

Program lawatan ke tapak Projek Penghasilan Baja Organik di Kampus UTHM Parit Raja telah diadakan pada 20 April 2022 anjuran di bawah Kelab Kejuruteraan Awam (KKA), Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina. FKAAB telah menjemput Ketua Kampung dan Wakil disekitar Mukim Bagan bagi mengikut taklimat dan demonstrasi proses penghasilan baja organik daripada sisa makanan di sampaikan oleh PM Ir Dr Noor Yasmin Zainun.



# 3

## FORENSIK JALAN RAYA DAN PENYELENGGARAAN UNTUK KESELAMATAN DAN KESELESAAN PENGGUNA (KTP)

Pengarah Program Prof Madya Ts Dr Mohd Ezree Bin Abdullah

- **Tarikh** : 26 Mei 2022
- **Tempat** : Pejabat Tapak Kulim
- **Komuniti** : Staf Usaha Prakarsa (M) Sdn. Bhd

Program KTP bersama pihak industri ini telah dilakukan untuk menyelesaikan beberapa isu dan cabaran yang sedang berlaku di kawasan tapak projek syarikat berkenaan. Sesi pemindahan ilmu berkenaan kaedah amalan terbaik dalam mengenalpasti punca kerosakan jalan dan kaedah penyelenggaraan yang bersesuaian di tapak projek. Setelah sesi tindakan susulan dijalankan didapati kaedah penyelenggaraan yang dicadangkan sangat berkesan dengan kos yang sangat optimum dan dapat mengawal aliran trafik dengan sangat baik serta meningkatkan keselamatan pengguna jalan raya.



## 4 PROGRAM INOVASI DAN UJIKAJI BAHAN TAMBAH UNTUK APLIKASI DALAM PEMBINAAN JALAN RAYA (KTP)

- **Tarikh** : 31 Mei 2022
- **Tempat** : Makmal Kejuruteraan, UMLAB Laboratory & Services Sdn Bhd
- **Komuniti** : Staf UMLAB Laboratory & Services Sdn Bhd

Program KTP bersama pihak industri ini telah dilakukan untuk menambahbaik dan meluaskan lagi cabang perniagaan pihak syarikat terutamanya terhadap penggunaan bahan tambah dalam pembinaan jalan raya. Perkongsian ilmu telah dilakukan secara teori dan praktikal berkenaan kaedah campuran bitumen dengan bahan tambah mengikut spesifikasi JKR. Pihak syarikat mengucapkan penghargaan yang tinggi kerana pihak mereka sering menerima permintaan dan tawaran projek pembinaan jalan raya dalam negara ini.

### Pengarah Program Prof Madya Ts Dr Mohd Ezree Bin Abdullah





## PROGRAM IKHLAS RAMADHAN 2022 (CSR)

- **Tarikh** : 27 April 2022
- **Tempat** : Kediaman Keluarga Sekitar Parit Raja
- **Komuniti** : Penduduk Sekitar UTHM

Program ini adalah dibawah Unit Amal CESWEC yang telah Berjaya mengumpul sumbangan sebanyak RM5450. Sumbangan berbentuk wang ringgit sebanyak RM 200/keluarga untuk 20 keluarga dan RM 100/pelajar untuk 14 orang pelajar FKAAB

Pengarah Program : Dr. Nor Hayati bte Abd Ghafar





## 6 PROGRAM “LET’S PLOGGING” (CSR)

- **Tarikh** : 27 Mei 2022
- **Tempat** : Pantai Sg Lurus, Senggarang
- **Komuniti** : Penduduk Sekitar Pantai Sg Lurus

*Kelab Keuruteraan Awam (KKA), Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam bina (FKAAB), telah melaksanakan program “Let’s Plogging” di Pantai Sungai Lurus, Senggarang, Johor pada 27 Mei 2022. Program ini melibatkan 35 sukarelawan yang berganding bahu mengutip sampah seperti botol plastik dan kaca, bekas makanan dan minuman, dan lain-lain di kawasan sekitar pantai tersebut. Program ini telah mendapat tajaan dari Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP) bagi pembelian peralatan plogging seperti reacher grabber, sarung tangan dan plastik hitam bagi mengisi sampah*

**Pengarah Program : Ts Dr Nor Haslinda Abas**






## PROGRAM GEAR UP ! (Get Ready for University Programme) MARA - UTHM 2022 (KTP) (PENGHASILAN PENAPIS AIR)

Pengarah Program : DR MUHAMMAD SALLEH HJ ABUSTAN

- **Tarikh** : 21 Jun 2022
- **Tempat** : Makmal Sumber Air
- **Komuniti** : 26 Orang Pelajar Lulusan SPM B40

*Kelab Kejuruteraan Awam (KKA), Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam bina (FKAAB) di bawah penganjuran Pejabat Hubungan Industri dan Masyarakat UTHM telah melaksanakan program "Gear Up! (Get Ready for University Programme) MARA-UTHM 2022" di dalam aktiviti Explorace di Makmal Sumber Air pada 21 Jun 2022. Program ini melibatkan 10 pelajar KKA sebagai fasilitator dan Penceramah/Ketua Fasilitator adalah Staf di Jabatan Kejuruteraan Awam, Dr Muhamad Salleh Hj Abustan. Program ini mendedahkan aktiviti penghasilan penapis air yang menggunakan media yang mudah diperolehi.*



# 8 PROGRAM GEAR UP ! (Get Ready for University Programme) MARA - UTHM 2022 (KTP) (SOIL MAGIC)

- **Tarikh** : 21 Jun 2022
- **Tempat** : Makmal Geoteknik
- **Komuniti** : 24 Orang Pelajar Lepasn SPM B40

**Pengarah Program : TS MOHD FAIRUS BIN YUSOF**



*Kelab Kejuruteraan Awam (KKA), Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam bina (FKAAB) di bawah penganjuran Pejabat Hubungan Industri dan Masyarakat UTHM telah melaksanakan program "Gear Up! (Get Ready for University Programme) MARA-UTHM 2022" di dalam aktiviti Explorace di Makmal Geoteknik pada 21 Jun 2022. Program ini melibatkan 5 pelajar KKA sebagai fasilitator dan Penceramah/Ketua Fasilitator adalah Staf di Jabatan Kejuruteraan Awam, Ts Mohd Fairus Yusof. Program ini mendedahkan aktiviti Soil Magic yang sangat mudah dan menarik.*

*With Wisdom, We Explore*

# 9

## PROGRAM SHARING KNOWLEDGE BERSAMA PAKAR STRUKTUR IR PM DR NORWATI (KTP)

Pengarah Program : PM DR MUNZILAH MD ROHANI

- **Tarikh** : 22 Jun 2022
- **Lokasi** : SMK Semerah (Sek Angkat FKAAB)
- **Komuniti** : Guru & Pelajar SMK Semerah

Program ini bawah penganjuran SDRC, FKAAB UTHM dilaksanakan pada 22 Jun 2022 bersama Sekolah Angkat FKAAB iaitu SMK Semerah. Perkongsian ilmu mengenai struktur bangunan telah disampaikan oleh PM Ir Dr Norwati iaitu Staf di Jabatan Kejuruteraan Awam FKAAB.



# 10 PROGRAM PENGGUNAAN MAKROINVERTEBRATA UNTUK PENGANGGARAN KUALITI AIR SUNGAI DI LAMAN REKREASI SUNGAI BULUH, PASIR GUDANG (KTP)

- **Tarikh** : 25 Jun 2022
- **Tempat** : Laman Rekreasi Sungai Buluh
- **Komuniti** : Guru-Guru di Zon Selatan dan Luar Kawasan Pasir Gudang

**Pengarah Program : Dr. NOR AMANI FILZAH BINTI MOHD KAMIL**

Program ini melibatkan seramai 36 guru dari 22 sekolah menengah sekitar daerah Pasir Gudang telah menyertai program penentuan kualiti air sungai bertempat di laman rekreasi Sungai Buluh. Program ini adalah penganjuran kali kedua program Universiti untuk Masyarakat (U4S) yang dibimbing oleh pensyarah Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang bertujuan memindahkan ilmu kepakaran kepada generasi berikutnya di samping menentukan kualiti air sungai yang terpilih.

Program training of trainer ini telah dapat meningkatkan keyakinan para guru dalam menjalankan sendiri program pemindahan ilmu kepada pelajar. Oleh itu, ilmu penentuan kualiti air sungai melalui penunjuk bio dan kimia akan terus kekal hingga ke generasi yang berikutnya. Sebelum ini, program ini telah dijalankan pada 26 Mac 2022 lalu di hulu Sungai Selangkah yang merupakan anak Sungai Kim Kim. Kedua-dua lokasi ini merupakan hulu sungai tetapi berbeza dari segi pembangunan di lokasi persampelan. Pemilihan lokasi ini juga telah menarik semula minat penduduk Pasir Gudang untuk mengunjungi laman rekreasi tersebut yang sebelum ini semakin suram.



**11**

## PROGRAM "PROPOSED NEW PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI (PKU) AT PARIT RAJA, UTHM" (KTP/SULAM)

- **Tarikh** : 27/3/2022 - 6/7/2022
- **Lokasi** : UTHM, MPBP, BOMBA
- **Komuniti** : PPH UTHM, BOMBA Air Hitam dan Jab. Perancang dan Jab. Bangunan Majlis Perbandaran Batu Pahat
- **Bil Pelajar Senibina** : 32orang

Pengarah Program : AR. HAZRI ABDUL AZIZ

Program ini bawah pengajuran Pejabat Pembangunan dan Penyenggaraan(PPP) UTHM dan Jabatan Senibina, UTHM dan telah dilaksanakan pada 27 Mac 2022 dan berakhir pada 6 Julai 2022.

Program ini diadakan bersama dengan pelajar Senibina Tahun 3(Studio 6) seramai 32 orang pelajar terlibat. Pelajar telah diberikan satu projek yang mana ringkasan projek telah di rumuskan oleh pihak PPP sendiri dan pelajar yang terlibat hanya perlu memahami ringkasan projek dan seterusnya merekabentuk projek Pusat Kesihatan Universiti (PKU). Untuk maklumat Pusat Kesihatan Universiti (PKU) sediaada telah dibina di kawasan yang paling rendah di UTHM. Ini telah mengakibatkan kawasan sekelilingnya dinaiki air sewaktu hujan lebat dan ianya sering berlaku waktu musim tengkujuh. Oleh itu, adalah amat wajar kerjasama ini dilaksanakan bagi mencari jalan penyelesaian dengan keterlibatan pelajar agar dapat meningkatkan lagi pengetahuan dan sudut teknikal pelajar dari segi projek sebenar



# 12 PROGRAM PENYELIDIKAN BERASASKAN INDUSTRI UNTUK PROGRAM SULAM (UTHM PRIHATIN) (CSR/SULAM)

Pengarah Program : EN. KHAIRUL ASYRAF BIN MOHD RODZI

- **Tarikh** : 17 Dis 21 – 04 Ogos 22
- **Lokasi** : Sahom Valley Sdn Bhd
- **Komuniti** : Sahom Valley Sdn Bhd
- **Bil Pelajar Senibina** : 30orang

Program SULAM ini dilaksanakan merentasi 2 semester menerusi kerjasama bersama Sahom Valley Sdn Bhd dan Cityscape Architect. Menerusi program ini, pelajar dibawa ke tapak sebelum mencadangkan proposal reka bentuk di bawah kursus BFR21306 Studio 4. Program ini penting bagi memberi pendedahan kepada pelajar tentang praktis senibina dan industry sebenar.




# 13 PROGRAM REKABENTUK DEWAN TERBUKA DI SMK TUN AMINAH, BATU PAHAT (CSR/SULAM)

Pengarah Program : EN. NASRUL ARIF BIN AHMAD MAHMUD

- **Tarikh** : 30 MEI 2022
- **Lokasi** : SMK Tun Aminah
- **Komuniti** : Guru-Guru SMK Tun Aminah
- **Bil Pelajar Senibina** : 30orang

*Program ini melibatkan pensyarah dan pelajar senibina dalam mengukur dan memahami kegunaan dewan sedia ada bagi mengenalpasti faktor-faktor yang membolehkan rekabentuk ubai suai dewan memenuhi matlamat Sekolah Tun Aminah, Batu Pahat, Johor.*





# TERIMA KASIH